

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI



BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI, PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI, PEMATUHAN SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1.1. Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Sepanjang tahun 2021, sebanyak tiga Laporan Ketua Audit Negara telah dibentangkan melibatkan dua sidang DUN. Sidang pertama DUN iaitu pada 1 September 2021 telah membentangkan dua LKAN iaitu mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019. LKAN kedua yang dibentangkan pada tarikh tersebut ialah LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 bagi Siri 1. Sidang DUN seterusnya iaitu pada 26 November 2021 telah membentangkan satu LKAN mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 bagi Siri 2.

1.2. Bagi tempoh bulan Januari sehingga September 2022, sidang DUN pertama pada 30 Mei 2022 telah membentangkan dua LKAN iaitu mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 bersama Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 Siri 1.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di jabatan dan agensi negeri. Selaras dengan peranan ini, pada tahun 2021, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak satu kali bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri. Butiran mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL.	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
1.	18 November 2021	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 Pengurusan Skim Bantuan Am

Sumber: Jabatan Audit Negara